

12 NOV 2000

PEMIMPIN-PEMIMPIN ISLAM BERTEMU DR MAHATHIR

Oleh: Abdul Muin Majid

DOHA (Qatar), 12 Nov (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin Islam yang menghadiri sidang kemuncak kesembilan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang bermula di sini, hari ini mengambil kesempatan untuk bertemu dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di luar mesyuarat tiga tahun sekali itu.

Selepas sahaja sesi pembukaan hari ini, Dr Mahathir mengadakan pertemuan dua hala dengan Perdana Menteri Lubnan Rafik Hariri.

Semalam, selepas sahaja tiba di Doha, beliau bertemu dengan Presiden Senegal Abdoulaye Wade dan Presiden Sudan, Omar Hassan Al-Bashir.

Dr Mahathir dijadualkan bertemu beberapa lagi pemimpin OIC sebelum berlepas ke Brunei petang esok untuk menghadiri forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec).

Sidang kemuncak OIC yang kali ini menumpukan pada keamanan dan pembangunan dirasmikan oleh Emir Qatar, Sheikh Hamad bin Khalifa Al-Thani di hotel Sheraton Doha.

-- BERNAMA

MAM AR PR